



PENELITIAN KOLEKSI AKSESORI PERAK NGEPAN INDU “BIAH ANAK ANJI” DALAM KONTEKS BUDAYA BENDA MASYARAKAT IBAN

(The Studies of Silver Ornament Collection Ngepan Indu “Biah anak Anji” in context of the Iban cultural Artifacts)

Gregory Kiyai @ Keai¹ & Noria Tugang¹

¹ Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: gregory_kiyai@yahoo.com

Received: 29 August 2020 • Accepted: 26 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

This research paper is an ethnographic research based on cultural objects of a community in Malaysia. The focus of this research is based on the silver accessories or "perengka pirak" which belongs to Biah anak Anji in which, the accessory is important for Iban women for their traditional costume, the "Ngepan Indu". This research was done through qualitative method, based on the data collection from documentation and interviews by using the Collective Memory technique along with the experts in Iban community culture at Sarawak and the heir to the collection, Biah anak Anji that is Chermai Iri that was from Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit. Therefore, findings of this research found that silver accessories have significant roles in the culture and belief practices of Iban community at Sarawak in forming their identity as Dayak Iban

Keywords: Artifacts, culture, Iban, ngepan, object

Abstrak

Kertas kerja ini adalah merupakan kajian etnografi berdasarkan budaya benda sesebuah masyarakat di Malaysia. Fokus utama penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada koleksi aksesori perak atau *perengka pirak* milik Biah anak Anji iaitu merupakan perhiasan penting yang digunakan oleh wanita Iban dalam mengayakan busana tradisional *Ngepan Indu*. Matalamat penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkonservasi material budaya aksesori perak milik Biah anak Anji. Penyelidikan ini menggunakan kaedah

kualitatif berdasarkan kepada pengumpulan data melalui dokumentasi dan temubual menggunakan teknik *Collective memory* bersama-sama dengan pakar budaya masyarakat Iban di Sarawak dan pewaris koleksi Biah anak Anji iaitu Chermay Iri yang berasal dari Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit. Oleh itu, dapatan penyelidikan mendapati bahawa aksesori perak mempunyai peranan yang signifikan dalam budaya dan amalan kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak dalam membentuk identiti mereka sebagai Dayak Iban.

Kata Kunci: Artifak, budaya, Iban, ngepan, objek

Cite as: Kiyai, G., Tugang, N. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 3(2), 169-180.

PENGENALAN

Sejak dahulu lagi, manusia telah tertarik dengan kecantikan dan keindahan seni, sehingga telah mendorong mereka untuk mencipta pelbagai objek dari batu dan tulang binatang untuk dijadikan barang perhiasan. Selaras dengan pengembangan zaman, manusia telah berinovasi dengan alam sekeliling untuk meningkatkan daya pemikiran mereka mencipta sebuah objek yang lebih bermakna dan mempunyai kualiti yang tinggi untuk dijadikan perhiasan. Selain itu, manusia menjadi lebih kreatif dengan mempelbagaikan penggunaan material bagi mendapatkan hasil yang maksimal dalam membentuk objek yang dijadikan perhiasan diri. Secara tidak langsung, budaya ini telah membentuk satu sifat material dalam sosial manusia dan material budaya benda seperti emas, perak dan tembaga telah menjadi satu kayu pengukur dalam menentukan status pemilikinya. Kertas kerja ini adalah memfokuskan penggunaan aksesori yang diperbuat daripada perak dan nilai signifikannya dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

SOROTAN KEPUSTAKAAN

Berdasarkan Prown (1982) budaya benda atau artifak budaya pada awalnya berasal dalam lingkungan ilmu arkeologi dan etnologi yang sering digunakan dalam meneliti penyelidikan mengenai artifak yang dijumpai dalam kesenian dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Kenyataan tersebut telah dibahas oleh Yu-Fu Tuan (1980) budaya benda adalah objek yang dibuat oleh manusia berdasarkan seni dan kemahiran. Penciptaan artifak atau budaya benda adalah disebabkan oleh pengalaman, adaptasi, dan juga persekitaran. Ciri-ciri penciptaan artifak tidak terlalu besar ataupun berbentuk sastera tetapi sesuatu yang nyata dan dapat dipegang menggunakan anggota badan manusia dan berfungsi secara maksimum dalam budaya manusia. Secara akademik, budaya Benda telah diterjemahkan kepada pelbagai definisi berdasarkan kepada bidang penelitian sarjana. Walaubagaimanapun, objek, artifak atau benda telah dikategorikan sebagai budaya benda yang telah dicipta dan digunakan oleh manusia secara berzaman dan diwariskan selama generasi dalam amalan, kepercayaan, nilai kehidupan dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat. (Dant, 2005).

Perhiasan diri adalah merujuk kepada budaya kebendaan atau artifak budaya, menurut Blandy & Bolin (2012) budaya kebendaan adalah segmen persekitaran biososial manusia yang telah dibentuk secara sengaja oleh manusia mengikut rancangan budaya yang telah ditetapkan. Menurut DeMello (2007) perhiasan diri adalah objek

yang dibuat khusus oleh manusia untuk tujuan mencantikkan fizikal diri mereka. Pemakaian perhiasan diri pada tubuh manusia adalah bersifat sementara. Ini kerana penggayaan perhiasan diri boleh ditukar atau dipelbagaikan bagi memenuhi keperluan dan citarasa manusia. Selain itu, menurut Cirafelli (2014) pemakaian perhiasan diri dalam sesebuah kebudayaan dilihat melalui signifikan dalam bidang agama, sosial, penggunaan mengikut jantina dan sebagai identiti bangsa itu sendiri. Selain itu, pemakaian perhiasan diri seharusnya mencapai piawaian kecantikan tertentu bagi kebudayaan, agama dan kehendak sosial dalam sesebuah bangsa. Ini menjelaskan kepentingan perhiasan diri membentuk identiti, keperibadian seseorang individu dan juga peradaban.

Menurut Abd.Wahid Jais, et.al (2007) artifak yang dicipta untuk menjadi perhiasan bagi sesebuah etnik dapat dilihat kepada tiga kategori utama iaitu bentuk, fungsi dan hiasan. Ketiga-tiga aspek ini sangat penting dalam menentukan signifikan objek budaya tersebut kekal bertahan dalam budaya sesebuah komuniti. Kebudayaan masyarakat Iban dilihat dari dua aspek budaya iaitu kebudayaan ketara dan tidak ketara. Kebudayaan tidak ketara adalah merangkumi seni persembahan, makanan tradisional, amalan dan tradisi lisan, manakala warisan ketara adalah merangkumi artifak atau budaya benda seperti perhiasan, objek budaya dan peralatan perang. (Tugang, 2011). Menurut Kiyai, et.al (2020) Kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Iban dikategorikan kepada dua elemen iaitu warisan dan pusaka. Warisan merujuk kepada budaya yang dikongsikan bersama dan warisi secara turun temurun, manakala pusaka adalah spesifik kepada pemilikan peribadi dan diwariskan dalam kalangan ahli keluarga. Contohnya seperti aksesori *Ngepan Iban* yang diwarisi oleh nenek atau ibu kepada anak gadis mereka dan seterusnya. Proses ini akan terjadi secara berulang dan berterusan dalam tradisi keluarga Iban di Sarawak.

Menurut Haddon & Start (1936) masyarakat Iban sangat menyukai pakaian dan perhiasan, mereka telah bersungguh-sungguh untuk menjadikan busana tradisional mereka kelihatan indah dan menawan. Selain itu, pakaian mereka sangat spesifik berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Di mana, wanita Iban akan memakai kain panjang yang mempunyai corak khas sehingga ke paras lutut. Tali pinggang yang dipakai bersama busana wanita Iban adalah terdiri daripada gelungan rotan yang berfungsi sebagai korset, rantai perak, rantai yang diperbuat daripada syiling perak dan beberapa perhiasan yang agak berat sesuai dengan kostum yang digunakan.

METODOLOGI

Kertas kerja ini adalah menumpukan kepada etnografi sesebuah etnik berdasarkan kepada material budaya. Kaedah penyelidikan adalah bersifat kualitatif iaitu menggunakan kaedah dokumentasi koleksi artifak budaya milik Biah anak Anji dan menelitinya dalam budaya Iban melalui perolehan data temubual bersama pakar-pakar budaya Iban iaitu sebanyak 12 orang informan. Kaedah temubual ini dilakukan secara persendirian (*in person*) dan berkumpulan (*group*) berdasarkan kepada teknik pengumpulan data *Collective Memory*. Menurut Mead's (1929) *Collective Memory* adalah satu ingatan memori lampau yang pada dasarnya menyusun semula masa lalu berdasarkan kepada penyesuaian imej budaya, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini yang dialami oleh individu. Selain itu, menurut Olick (1999:337) *Collective Memory* adalah satu tindakan yang memasukkan unsur-unsur budaya setempat seperti simbol, makna, naratif, dan ritual), struktur budaya, dan kenangan individu yang secara peribadi dan terbentuk oleh sosial budaya.

Selain itu, Barbara Misztal (2003) mengatakan bahawa memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk iaitu ingatan peribadi seseorang yang melibatkan interaksi dengan orang-orang disekitarnya. Seterusnya adalah memori yang diturunkan oleh suatu generasi yang lebih tua kepada generasi penerusnya atau generasi yang

lebih muda dan diceritakan selama beberapa generasi dan terakhir adalah satu ingatan memori yang statik dan sentiasa hidup dalam budaya sesebuah etnik. Oleh itu, temubual ini telah dilakukan di beberapa kawasan rumah panjang di Sarawak seperti di Limbang, Betong, Lubok Antu, Sri Aman dan Saratok.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dalam budaya Iban terdapat dua jenis *Ngepan* iaitu *Ngepan Indu* dan *Ngepan Laki*. *Ngepan* Iban adalah satu representasi imej Dewa *Keling* (lelaki) sebagai pahlawan Iban yang hebat dan Dewi *Kumang* (wanita) sebagai seorang wanita Iban yang cantik dan mahir dalam segala hal rumah tangga. *Ngepan* dalam Bahasa Iban adalah merujuk kepada pakaian atau busana, manakala *Ngepan Iban* adalah merujuk kepada busana masyarakat Iban di Sarawak dan Kalimantan. Identifikasi ras etnik Iban di Sarawak dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek iaitu bahasa dan busana, menurut Janet Rata Noel (50 tahun) Kurator *Tun Jugah Foundation* mengatakan busana atau dikenali sebagai *Ngepan* merupakan identiti masyarakat Iban di Sarawak, walaupun bagaimanapun wujud beberapa ciri khas dan perbezaan yang terdapat dalam setiap busana tradisional ini. Dalam budaya Iban telah dikenalpasti beberapa jenis *Ngepan Iban* iaitu *Ngepan Saribas* (Betong, Paku, Krian), *Ngepan Kuas* (Undop, Sri Aman, Lingga), *Ngepan Dunjung Marik* (Kapit), *Ngepan Batang Ai* (Lubuk Antu, Lemanak, Engkelili) dan *Ngepan Iban biasa* (digunakan oleh semua Iban). Pengenalpastian ini adalah berdasarkan kepada kawasan penempatan atau nama-nama sungai yang berdekatan dengan masyarakat Iban di Sarawak. Walaupun demikian penelitian ini lebih memfokuskan kepada material budaya milik mendiang Biah ak Anji iaitu beberapa koleksi aksesori *Ngepan Indu Iban* yang diperbuat daripada perak asli. Umumnya, material budaya yang diperbuat daripada perak telah menjadi kegilaan dan satu kewajiban untuk masyarakat Iban memiliki sebagai harta pusaka. Menurut Kiyai Uri (65 tahun) selain barangan seramik, material budaya yang diperbuat daripada tembaga dan perak juga mempunyai nilai yang signifikan dalam budaya masyarakat Iban dan diwarisi secara turun-temurun dalam salasilah keluarga Iban di Sarawak. Material budaya yang diperbuat dari perak adalah sebuah manifestasi bagi melambangkan status keluarga dan kekayaan dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang. Masyarakat Iban telah menerima asimilasi perak sebagai perhiasan utama dalam busana tradisional mereka dalam menonjolkan identiti mereka sebagai Dayak Iban.

Koleksi Biah anak Anji merupakan koleksi *Ngepan Indu Iban* yang memfokuskan kepada aksesori perak yang telah diwarisi dan dibeli oleh beliau semasa hayatnya. Beliau yang dilahirkan di Ulu Layar, Saribas (kini dikenali sebagai daerah Betong) semasa musim menuai padi. Menurut Lemambang Ijau Buja (79 tahun) dahulu masyarakat Iban tradisional akan mengingati sesebuah peristiwa seperti kelahiran, pindah rumah, menanam padi, perkahwinan dan kematian berdasarkan musim bercucuk tanam atau menggunakan kaedah kiraan purnama. Pada tahun 1924 beliau dan suaminya iaitu Rimong yang berasal dari Nanga Spak, Layar telah mengikuti beberapa kelompok masyarakat Iban yang bermigrasi dari Saribas untuk mencari penempatan baharu bagi tujuan penanaman padi huma dan sumber makanan yang banyak. Proses migrasi atau dikenali sebagai *Adat Bejalai* (adat mengembara) bukanlah sesuatu yang baharu dalam budaya masyarakat Iban suatu masa dahulu.

Tujuan *Adat Bejalai* (adat mengembara) dalam budaya Iban adalah kerana ingin melarikan diri dari menjadi sasaran *Kayau Iban* (serangan orang Iban), selain itu sesetengah masyarakat Iban melakukan *Adat Bejalai* (adat mengembara) adalah untuk menerokai kawasan penempatan baharu bagi kegiatan bercucuk tanam dan sebagainya. (Kedit, 1993). Proses migrasi tersebut telah membawa Biah dan suaminya, Rimong belayar sampailah ke Ulu Limbang menyusuri Sungai Saribas dan Sungai Batang Rajang menggunakan kapal wap pedagang Cina. Dalam pelayaran tersebut, beliau telah membawa koleksi material budaya miliknya sebagai harta pusaka.

Koleksi Aksesori Perak Biah Anak Anji

Beberapa koleksi aksesori perak milik Biah anak Anji yang telah dikenal pasti dan dirasakan mempunyai nilai yang signifikan dalam penata gaya *Ngepan* wanita Iban. Menurut Beol Dingin (81 tahun) mengatakan pemakaian *Ngepan Indu Iban* haruslah dimulakan dengan memakai *Kain Tating* ataupun *Kain Kebat*, kemudian disilangkan *Selampai* dan disarungkan *Marik Empang* di bahagian dada, lalu dipakaikan *Rawai* dan bahagian pinggang dililitkan dengan menggunakan *Tali Mulong*. Kedua-dua belah tangan dan lengan akan disarungkan dengan *Tumpa* (gelang *pirak*), rambut akan disanggul siput untuk memakaikan *Sugu Tinggi* dibahagian kepala lalu ditambah dengan *Tuchuk Sanggul* bagi menguatkan *Sugu Tinggi* agar tidak jatuh. Kemudian *Antin Pirak* akan dipakaikan secara berpasangan dibahagian telinga dan jari akan diselitkan dengan *Buah Pauh* sebagai aksesori tambahan serta bahagian yang terakhir adalah memakaikan *Keruncung Kaki* di bahagian pergelangan kaki. Oleh itu, berikut merupakan perincian koleksi aksesori perak *Ngepan Iban* tersebut.



Gambar 1: Biah anak Anji
(Sumber: Chermai Iri, 2019)

Sugu Tinggi (Silver Headgear)

Sugu Tinggi merupakan perhiasan perak yang dicucukkan dalam sanggul wanita Iban semasa memakai *Ngepan Iban*. Material budaya ini memiliki corak yang diadaptasi dari motif flora dan sentiasa dalam keadaan berkilau apabila dipancar oleh sinaran cahaya. Teknik pembuatan *Sugu Tinggi* adalah ditempa menggunakan perak asli dan dilekukan untuk mencipta keanekaragaman motif yang diinginkan. Dalam budaya Iban, pemilihan *Sugu Tinggi* adalah berdasarkan status pemakainya. Jikalau wanita tersebut masih gadis dan tidak pernah menikah, maka dia akan mengayakan *Sugu Tinggi* yang lebat dan tinggi, namun sekiranya wanita tersebut isteri atau janda maka pengayaan *Sugu Tinggi* haruslah rendah dan tidak terlalu menonjol.



Gambar 2: *Sugu Tinggi*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Tuchuk Sanggul (Silver Bun)

Tuchuk Sanggul (cucuk sanggul) merupakan material budaya yang penting dalam hiasan kepala wanita Iban. *Tuchuk Sanggul* berfungsi untuk menyokong sanggul rambut apabila mengenakan *Sugu Tinggi* yang agak berat

agar tidak jatuh dan longgar. Menurut Maria Liban (70 tahun) pada masa dahulu, wanita Iban didorong oleh ibu mereka sejak dari kecil untuk menyimpan rambut panjang agar senang disanggul “*seri mua*” seperti *Dewi Kumang*. Reka bentuk *Tuchuk Sanggul* adalah tajam, diperbuat dari perak dan mempunyai beberapa motif ukiran seperti cucuk sanggul yang digunakan oleh para wanita dari negara China.



Gambar 3: *Tuchuk Sanggul*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Sementing Ringgit (Coin Corset with Dangling Coins)

Sementing Ringgit adalah perhiasan perak yang dipakai di pinggul wanita Iban selepas sebelum menggunakan *Rawai Pirak*. Bentuk *Sementing Ringgit* adalah mempunyai duit syiling yang bercantum rapat dan berjurai ke bawah. Apabila wanita Iban memakainya, akan kedengaran bunyi yang gemersik dan berkilauan. Menurut Datuk Sri Edmund Langgu (85 tahun) Alunan bunyi *Sementing Ringgit* dan *kain Tating* akan menghasilkan bunyi yang senada ibarat *Burung Emping Aling* dan menarik perhatian orang ramai yang mendengarnya.



Gambar 4: *Sementing Ringgit*
(Sumber:Koleksi Biah, 2019)

Rawai Pirak (Silver Corset)

Rawai Pirak adalah gelungan yang diperbuat daripada tembaga atau perak, kemudiannya ditusuk menggunakan rotan bagi membentuk bulatan yang menyerupai bengkung. *Rawai Pirak* adalah perhiasan yang digunakan

dipinggul wanita bagi memperlihatkan lekuk tubuh apabila menggunakan *Ngepan Iban*. Penggunaan *Rawai Pirak* dalam *Ngepan Iban* memerlukan kesabaran yang tinggi kerana saiz *Rawai Pirak* yang agak ketat menyukarkan pemakainya tidak selesa untuk duduk atau melakukan aktiviti seperti berjalan dan menari. Menurut Beol Dingin (81 tahun) dalam pengayaan busana tradisional Iban, terdapat pelbagai jenis *Rawai Pirak* seperti *Rawai Tinggi* dan *Rawai Ringgit* yang selalunya digunakan oleh masyarakat Iban di Skrang dan Saribas. Pembuatan *Rawai Pirak* adalah amat sulit dan memerlukan kepakaran yang tinggi untuk membuat gelungan yang rapi dan kemas.



Gambar 5: *Rawai Pirak*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Lampit Pirak (Silver Belt)

Lampit Pirak merupakan tali pinggang besar yang diperbuat daripada perak dan mempunyai persamaan dengan tali pinggang *Dokoh* yang digunakan dalam busana tradisional Melayu. Menurut Gabi Uri (60 tahun) lazimnya, *Lampit Perak* akan dijadikan sebagai hiasan yang digunakan di bahagian pinggang selepas memakai *Sementing Ringgit* dan *Rawai Pirak*, namun bagi Ngepan Batang Ai, mereka akan menggunakan *Lampit Pirak* untuk menutup bahagian payudara. Selain itu, *Lampit Pirak* turut dijadikan sebagai aksesori dalam Ngepan Laki Iban untuk menghiasi dada dan pinggangnya. Ciri-ciri utama yang terdapat pada *Lampit Pirak* adalah mempunyai ukiran flora di bahagian *dokohnya* dan sekelilingnya.



Gambar 6: *Lampit Pirak*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Tali Mulung (Fine Silver Chain)

Tali Mulung atau dikenali sebagai *Tali Ujan* merupakan aksesori tambahan untuk mengindahkan lagi aura dan seri pemakai *Ngepan Indu Iban*. Menurut Lada Ukar (80 tahun) fungsi *Tali Mulung* dalam *Ngepan Iban* adalah pelbagai,

kadang-kala *Tali Mulung* akan dijadikan aksesori rantai atau dililitkan di sekitar badan untuk mendapatkan kesan yang berkilat dan bercahaya dari pandangan jauh. Ciri-ciri khas *Tali Mulung* adalah memiliki serpihan perak yang halus kemudiannya dicantumkan untuk menjadi tali yang panjang. Bentuknya yang halus dan rapuh mengharuskan pemakainya dalam keadaan berhati-hati agar tidak memutuskan tali perak yang terdapat pada aksesori *Tali Mulung*. Perhiasan *Tali Mulung* tidak hanya terhad kepada *Ngepan* wanita sahaja, namun turut digunakan dalam *Ngepan Laki Iban* sebagai perhiasan rantai.



Gambar 7: *Tali Mulung*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Tumpa Bentuk (Silver Bangles)

Tumpa Bentuk adalah merujuk kepada gelang tangan yang diperbuat dari perak. Selalunya aksesori *Tumpa Bentuk* akan dipakai secara bertingkat-tingkat di seluruh pergelangan tangan sehingga ke paras lengan dan mempunyai pelbagai saiz bermula dari kecil sehinggalah ke saiz yang besar. Tujuan pemakaian *Tumpa Bentuk* dalam *Ngepan Iban* adalah untuk menghiasi pergelangan tangan pemakainya. *Tumpa Bentuk* selalunya dibuat dengan teknik menempa perak dan kemudiannya diukir menggunakan motif flora atau bergaris-garis bagi menambah nilai estetika dalam objek budaya tersebut.



Gambar 8: *Tumpa Bentuk*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Buah Pauh (Silver Purse)

Buah Pauh merupakan perhiasan sampingan *Ngepan Iban* yang diperbuat dari perak dan tembaga. Penggunaan *Buah Pauh* adalah dipakai di jari manis wanita Iban sebagai aksesori pemanis gaya selain dari Kain Percha (sapu tangan berwarna putih atau merah). Umumnya, *Buah Pauh* akan hadir tiga serangkai dan mempunyai bentuk bulat. Teknik pembuatnya adalah melalui kepingan perak atau tembaga yang ditempa oleh tukang tempa yang mahir.

Kemudiannya akan diukir dengan teliti berdasarkan kepada motif flora. Menurut Salmah Aning (63 tahun) dahulu, Buah Pauh akan digunakan oleh wanita Iban untuk menyimpan buah pinnag yang telah dikupas dan tempat meletakan gincu.



Gambar 9: *Buah Pauh*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Gerunchung Kaki (Anklet)

Gerunchung kaki adalah merujuk kepada gelang kaki yang diperbuat daripada perak. Selalunya gelang kaki bagi wanita Iban adalah terbahagi kepada dua iaitu gelang kaki lingkaran biasa atau gelang kaki yang dihiasi dengan loceng ditepinya. Kedua-dua gelang kaki ini mempunyai nilai yang signifikan dalam aksesori perak Iban. Menurut Suga Jaya (51 tahun) sejak kecil lagi anak perempuan Iban akan dipasangkan gelang kaki yang mempunyai oleh keluarganya agar memudahkan mereka mengesan keberadaannya. Selain itu, gelang kaki berloceng cukup popular dalam pengayaan *Ngepan Iban* dahulu kerana menghasilkan bunyi yang senada dengan aksesori *Ngepan Iban* yang lainnya.



Gambar 10: *Gerunchung Kaki*
(Sumber: Koleksi Biah, 2019)

Ngepan Indu Iban berkait rapat dengan sejarah lisan masyarakat Iban yang bernama *Kumang*. *Dewi Kumang* adalah legenda Iban yang sangat terkenal dan dipercayai berasal dari *Gelong Batu Nakong* kemudian menikahi Dewa Keling dan berpindah ke *Menua Panggau Libau Ke Di Gela Lendat Di Biau Jila Isang*. Sebelum menjelangnya perayaan Gawai Dayak pada 1 Jun akan ada pertandingan kecantikan yang disebut *Kumang Gawai* sebagai tanda untuk mengingatkan *Dewi Kumang* dalam budaya masyarakat Iban. Menurut Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun) dalam kepercayaan lisan Iban, Dewi Kumang digambarkan sebagai wanita Iban yang ideal dan

mempunyai pelbagai kelebihan seperti pandai menenun kain dan *pua*, memiliki keperibadian sopan dan wajah cantik. Menurut Gavin (2004), masyarakat Iban percaya bahawa Dewi Kumang sering menjelma dalam mimpi wanita Iban memberi arahan kepada mereka untuk menenun kain dan *pua kumbu*. Wanita Iban yang dipilih oleh Dewi Kumang wajib melakukan upacara *ngar* (persediaan menenun kain) untuk memenuhi kehendak masyarakat di dewa-dewi di *Panggau Libau*. Selain itu, Dewi Kumang bukan sahaja menolong wanita Iban, tetapi turut menolong kaum lelaki Iban yang ingin pergi berperang. Oleh itu, bagi menghormati dewa-dewi di *Panggau Libau* maka masyarakat Iban telah diajar untuk berpakaian menyerupai dewa-dewi agar mereka saling meningati antara satu sama lain.

Menurut Janet Rata Noel (50 tahun), Kurator Yayasan Tun Jugah, mengatakan bahawa pakaian atau dikenali sebagai *Ngepan* adalah identiti masyarakat Iban di Sarawak. Dahulu masyarakat Iban akan mengupah etnik Memaloh dari Kalimantan, Indonesia untuk menempa aksesori perak. Menurutnya, masyarakat Iban memilih etnik Memaloh kerana kualiti kerja yang bagus dan halus pembuatan dari segi olahan motif dan rekabentuknya. Disebabkan kerjasama tersebut, maka masyarakat Iban dahulu tidak pernah menyerang etnik Memaloh dan selalu menganggap mereka sebagai saudara serumpun. Selain itu, sepanjang proses pembuatan aksesori perak dijalankan, keluarga Iban yang berkemampuan akan memberikan tempat tinggal kepada etnik Memaloh dan mengupah mereka dengan beras dan *Pua Kumbu*.

Semua aksesori perak diatas merupakan harta pusaka Biah anak Anji yang berasal dari Nanga Spak, Ulu Layar, Betong dan diwarisi kepada cucunya iaitu Chermai ak Iri. Dianggarkan usia artifak budaya tersebut melebihi 60 tahun dan masih disimpan dalam keadaan yang baik. Menurut Chermai Iri (62 tahun) aksesori perak *Ngepan* Indu merupakan satu warisan dan akan diserahkan kepada anak atau cucu perempuan sahaja, memandangkan beliau anak tunggal maka beliau diwariskan segala *Ngepan Indu* ini yang merupakan warisan keluarga sejak turun temurun. Bagi keluarga Iban yang memiliki anak gadis harus berusaha untuk memiliki dan menyimpan aksesori perak sebagai harta dan kegunaan mereka di masa hadapan seperti perkahwinan dan sambutan perayaan. Walaubagaimanapun bagi keluarga Iban yang tidak memiliki koleksi perak akan dianggap sebagai keluarga yang susah dan tidak mampu untuk bersosialisasi, secara tidak langsung perkara tersebut akan memberi kesan kepada anak gadis mereka untuk memilih calon suami dari keluarga yang berstatus. Yakini dahulu, masyarakat Iban sangat mementingkan status dan maruah diri melebihi segalanya, oleh sebab itu mereka selalu bersungguh-sungguh dalam mendapatkan sesuatu sehingga membuahkan hasil. Jadi tidak hairan, mengapa masyarakat Iban di Sarawak sering melakukan migrasi iaitu bertujuan membuka tanah untuk penanaman padi bukit dalam skala besar. Hasil daripada tuaian padi akan dijual atau ditukarkan dengan aksesori perak dan barangan lain yang dianggap mempunyai nilai yang signifikan dalam budaya Iban.

Menurut Maria Liban (70 tahun) material utama perhiasan *Ngepan Iban* yang dibuat menggunakan perak dan tembaga asli akan menyukarkan pergerakan wanita Iban apabila sudah memakai *Ngepan Iban* yang lengkap. Mereka akan menghadapi kesukaran untuk berdiri dan berjalan sehingga memerlukan sokongan daripada orang lain untuk berpaut. Ini adalah disebabkan perhiasan tersebut berat dan padat. Jadi untuk melawan kesukaran tersebut, wanita Iban harus bersedia dari fizikal dan emosi agar tetap kelihatan anggun dan menawan dihadapan para lelaki Iban, khususnya Ibubapa yang berhajat mencari menantu perempuan. Keanggunan dan keindahan wanita Iban dalam mengenakan *Ngepan Iban* selalu disebut dalam bait-bait puisi tradisional Iban, para penyair akan mengungkapkan kecantikan wanita Iban secara abstrak dengan membandingkan mereka seperti bunga-bunga yang mekar atau haiwan yang dianggap memiliki estetika yang menarik.

Dalam budaya masyarakat Iban, penggunaan *Ngepan Indu Iban* haruslah berdasarkan kepada adat istiadat dan tidak dipakai sesuka hati. Penggunaan *Ngepan Iban* adalah untuk ritual dan upacara perayaan. Contohnya *Gawai Tanju*, *Bedara* atau *Begawai Umai*. Di samping itu, wanita Iban memakai *Ngepan* adalah untuk menyambut kepulangan suami mereka yang telah pulang dari ekspedisi *Ngayau*. Di mana, kaum wanita akan menunggu suami atau lelaki yang bakal menjadi calon suaminya di depan tangga dan kemudian menyambut kepala musuh yang diperoleh semasa ekspedisi *Ngayau* menggunakan *Pua Kumbu* yang mempunyai *bali belumpung* atau *motif api lebur*. Menurut Lemambang Abang Entrey (80 tahun) Wanita Iban pada zaman dahulu tidak peduli jika mereka menjadi janda pada usia muda asalkan suami mereka berjaya memperolehi kepala musuh untuk dirayakan di rumah panjang.

Selain itu, semasa menjalankan *Upacara Miring* (ritual persembahan) *Indu Piring* (wanita yang ditugaskan membawa peralatan ritual) diharuskan menggunakan *Ngepan Iban*. Pekara ini bertujuan untuk membuktikan kepada *Petara* (tuhan) bahawa masyarakat Iban serius dalam melaksanakan upacara tersebut bagi tujuan meminta pertolongan dan keberkatan. Bagi orang biasa yang tidak menggunakan *Ngepan Iban*, adalah disarankan untuk menjauhkan diri dari *Upacara Miring* kerana takut terkena pantang larang yang boleh menyebabkan penyakit dan kematian. Masyarakat Iban percaya bahawa semasa *Upacara Miring* dilaksanakan, *Petara* (tuhan) dan *Urang Panggau* (dewa) akan datang untuk mendengar permintaan mereka.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan aksesori perak dalam busana *Ngepan* masih mempunyai nilai yang signifikan dalam budaya Iban di Sarawak. Walaupun terdapat lambakan aksesori *Ngepan* yang dimodifikasi menggunakan bahan aluminium untuk menggantikan material perak, namun kesedaran dan usaha untuk mengembalikan keaslian material aksesori perak sebagai aksesori utama *Ngepan Iban* terutamanya dari pihak NGO (*Non-government organization*) seperti *Tun Jugah Foundation*, *Dayak Chair Foundation* dan *Raban Ngepan Iban Sarawak* melalui bengkel, *symposium* dan juga penyelidikan agar generasi di masa hadapan dapat menghayati dan melestarikan aksesori *Ngepan Iban* sebagai satu identiti dan penyatuan etnik Iban di Sarawak.

RUJUKAN

- Blandy, D., & Bolin, P. E. (2012). *Looking at, engaging more: Approaches for investigating material culture*. Art Education, 65(4), 40-46.
- Cifarelli, M. (2014). Personal Ornaments at Hasanlu, Iran. *Polish Archaeology in the Mediterranean*, 2(XXIII), 297-316.
- Dant, T. (2007). *Material culture*. London: The Blackwell Encyclopedia of Sociology.
- DeMello, M. (2011). *In His Own Image: The Modification of Human and Animal Bodies*. In Human Nature and Self Design. Mentis. https://doi.org/10.30965/9783957438843_016
- Haddon C. A. & L. E. Start, L.E. (1936). *Iban or Sea Dayak fabric and their pattern*. London: Cambridge University Press.
- Gavin, T. (2004). *Iban ritual textiles* (Vol. 205). Singapore: NUS Press.
- Jais, A. W., & Abdul Rashid, A. A. (2007). Artifak Peradaban Melayu dalam koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaya: Usaha mewujudkan inventori budaya. In: Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III.

Muzium Seni Asia; Universiti Malaya; Artifak; Galeri; Khazanah budaya.
<http://eprints.um.edu.my/id/eprint/17103>

Kedit, P. M. (1993). *Iban bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.

Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu*, (26), 59-59.

Mead, G. H. (1929). *The nature of the past*. United States: Holt.

Misztal, B. (2003). *Theories of social remembering*. UK: McGraw-Hill Education.

Olick, J. K. (1999). Collective memory: The two cultures. *Sociological theory*, 17(3), 333-348.

Prown, J. D. (1982). Mind in matter: An introduction to material culture theory and method. *Winterthur portfolio*, 17(1), 1-19.

Tuan Yu-Fu, (1980). The Significance of The Artifacts, *Geographical Review: American Geography Society*, 4 (70), 10-25

Tugang, N. (2011). *Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Senarai Informan

Janet Rata Noel (50 tahun), Kurator Tun Jugah Foundation

Kiyai Uri (65 tahun) Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang

Chermai Iri (62 tahun) Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang

Lemambang Ijau Buja (79 tahun), Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu

Beol Dingin (81 tahun), Rumah Kunjang, Entawa Asal, Undop, Sri Aman

Maria Liban (70 tahun), Rumah Ribun, Tinting Melaban Sungai Klampai, Saratok

Lemambang Abang Entrey (80 tahun), Rumah Ribun, Tinting Melaban Sungai Klampai, Saratok

Datuk Sri Edmund Langgu (85 tahun), Pakar Budaya Iban, Kuching

Gabi Uri (60 tahun) Rumah Bujang, Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang

Lada Ukar (80 tahun) Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu

Suga Jaya (51 tahun) Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu

Salmah Aning (63 tahun) Rumah Kunjang, Entawa Asal, Undop, Sri Aman